

TERDAPAT hanya 30 sukan yang disertakan dalam senarai awal Sukan SEA tahun depan di Filipina.

Ini sekali gus menjejaskan prospek pingat yang mampu dikumpul Singapura dengan pengecualian sukan utama seperti tenis meja, silat dan bola jaring.

Namun selepas satu mesyuarat Majlis Persekutuan Sukan SEA (SEAGF) yang diadakan di Manila baru-baru ini, keputusan untuk menyertakan sebanyak 56 acara sukan telah diluluskan bagi kejohanan sukan dwitahunan yang bakal diadakan pada 30 November hingga 10 Disember tahun depan.

Setiausaha agung Majlis Olimpik Kebangsaan Singapura (SNOC) Chris Chan memuji keputusan Filipina membuka peluang kepada sukan lain untuk bertanding, lapor *The Straits Times*.

"Negara tuan rumah menunjukkan sikap baik hati, dan telah menyertakan semua sukan yang kami kemukakan rayuan untuk dipertandingkan dalam acara tahun depan," kata Chan, yang menghadiri mesyuarat tersebut.

"Ini termasuk beberapa sukan yang memberikan mereka peluang tipis untuk memenangi pingat.

"Namun begitu, mereka telah melatakkan sukan tersebut di dalam senarai sukan yang akan dipertandingkan dan kami amat berterima kasih.

"Sama ada ia 51 atau 56 acara sukan, sebelum ini tiada siapa yang pernah melakukan perkara seperti ini, ia akan menjadi Sukan SEA terbesar, dari segi bilangan sukan."

Sukan SEA terbesar yang memaparkan 44 sukan dianjurkan oleh Indonesia pada 2011, manakala Sukan



PELUANG TEBUS KEKECEWAAN: Kontinjen silat Singapura berpeluang menebus kekecewaan mereka tahun lalu setelah pencak silat disertakan dalam senarai sukan di Sukan SEA 2019. – Foto fail

SEA Kuala Lumpur tahun lepas menyaksikan 38 sukan.

Terdapat kemungkinan hanya 51 daripada 56 sukan akan dipertandingkan kerana lima daripada sukan itu – kurash, e-sukan, papan selaju atau *skateboard* dan jujitsu – mempunyai hingga 7 Disember ini untuk mengemukakan borang permohonan mereka, lengkap dengan sokongan sama ada dari persekutuan antarabangsa atau badan sukan Asia tersendiri.

Chan menjelaskan sebab utama perlunya mendapat sokongan itu ialah bagi memastikan sukan tersebut

mematuhi piawai antarabangsa melibatkan penyalahgunaan dadah.

Filipina akan mengumumkan senarai akhir acara untuk 56 sukan yang bertanding pada 15 Disember nanti.

Beberapa persatuan sukan di Singapura mengalu-alukan berita tersebut.

"Ia satu berita gembira untuk kami. Bertanding di Sukan SEA membawa perubahan besar bagi sukan ini, dari segi pembiayaan, publisiti dan sokongan peminat," kata Ketua Pegawai Eksekutif Bola Jaring Singapura, Cyrus Medora.



RAMPAS TAKHTA SEMULA: Pasukan bola jaring juga berharap dapat merampas semula pingat emas dari Malaysia setelah kecundang di Kuala Lumpur tahun lalu. – Foto BH oleh DESMOND WEE

"Sasaran kami adalah untuk mengumpul pingat emas dan pemain kami bersedia berlatih dengan gigih bagi membawa pulang pingat emas itu. Saya pasti pasukan Malaysia juga akan berkata sedemikian."

Pasukan bola jaring negara telah merangkul pingat emas Sukan SEA 2015 di Singapura, namun seteru mereka dari seberang Tambak berjaya merampas kejuaraan itu semula tahun lalu.

Presiden Persatuan Floorball Singapura Kenneth Ho juga gembira dengan penyertaan semula sukan itu dalam Sukan SEA.

"Saya berasa sangat gembira dan teruja kerana sukan floorball akan disertakan ke dalam Sukan SEA 2019.

"Penyertaan ini adalah satu peningkatan besar dalam pembangunan sukan di rantau ini," kata Ho, yang mendedahkan bahawa Singapura akan terus memainkan peranan penting dalam meningkatkan taraf sukan itu melalui kursus kejurulatihan dan pengadil untuk pegawai di rantau ini.

"Buat masa ini, sasaran kami adalah untuk mengekalkan pingat emas bagi kedua-dua pasukan lelaki dan wanita."

Edisi ke-30 Sukan SEA akan di-

adakan di kawasan bandar Clark Green City, Subic dan Metro Manila di Filipina.

Singapura mencatatkan prestasi terbaik di Sukan SEA di Kuala Lumpur tahun lalu dengan merangkul 58 pingat emas.

Kontinjen negara mengakhiri temasya sukan itu di tempat keempat dalam kedudukan keseluruhan, di belakang Malaysia, Thailand dan Vietnam.

Kali terakhir Filipina, menjadi tuan rumah acara sukan itu ialah pada 2005 dan tangga teratas pungutan pingat dengan 112 pingat emas, 85 perak dan 93 gangsa.